

SARAWAK TUAN RUMAH PERSIDANGAN BURUNG KENYALANG ANTARABANGSA TAHUN DEPAN

July 19, 2016, Tuesday

Borneo Post

KUCHING: Sarawak akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran acara Persidangan Burung Kenyalang Antarabangsa Ketujuh (IHC) yang dijadual berlangsung pada 16 hingga 18 Mei tahun depan di bandar raya ini.

Bercakap pada sidang media di Tingkat 19, Bangunan Wisma Bapa Malaysia di sini semalam, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Datu Ose Murang berkata persidangan tersebut telah berjaya dibida di Manila pada 2013. Bagi memenuhi syarat penganjuran IHC 2017, Sarawak menurut Ose perlu menganjurkan Persidangan Burung Kenyalang Kebangsaan yang mana telah dianjurkan pada 11 hingga 13 Ogos tahun lepas di Miri.

IHC 2017 dijangka menarik penyertaan lebih 300 peserta antarabangsa termasuk Malaysia dan Sarawak khususnya.

“Kejayaan persidangan itu nanti akan membantu kita dalam usaha meningkatkan populasi burung kenyalang di negeri ini serta hidup dan terbang bebas tanpa ancaman daripada mana-mana pihak atau aktiviti manusia.

“Harapan kita pada suatu hari nanti, burung kenyalang akan hidup serta terbang bebas di serata negeri ini terutama bandar raya Kuching ini sejajar dengan negeri ini sendiri yang dikenali sebagai Bumi Kenyalang,” katanya.

Dalam pada itu Timbalan Pengurus Besar Sarawak Forestry Corporation (SFC) Oswald Braken Tisen berkata terdapat lapan spesies burung kenyalang boleh didapati di negeri ini iaitu Helmeted, Rhinoceros, Wrinkled, Wreathed, Bushy-Crowned, Oriented Pied, White-Crowned dan Black.

Burung kenyalang spesies Rhinoceros boleh dijumpai di Taman Negara Gunung Santubong manakala spesies White-Crowned boleh dijumpai di Taman Negara Kubah.

Bercakap lebih lanjut mengenai IHC 2017, ia merupakan anjuran bersama SFC dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Biro Konvensyen Sarawak dengan tema ‘Hornbill: Fly Free Fly High’.

Antara topik yang akan dibincangkan pada persidangan ini ialah Status Pemuliharaan Burung Kenyalang-Ancaman, Perdagangan dan Populasi, Biologi dan Penternakan Burung Kenyalang, Pemecahan Habitat dan Sambungan serta Kepentingan Burung Kenyalang-Ekosistem, Budaya, Pelancongan dan Kesedaran.

Seramai 30 penceramah dengan kebanyakan dari negara Asia diundang pada persidangan ini antaranya Profesor Emeritus Dr Pilai Poonswad daripada Yayasan Penyelidikan Burung Kenyalang.

Penceramah berpotensi lain termasuk Dr Juan Carlos Tescon Gonzalez daripada Universiti Filipina, Yok Yok Hadiprakarsa daripada Kesatuan Pemuliharaan Burung Kenyalang Indonesia, Dr Alan Kemp daripada Naturalists & Nomads dan Dr Vijak Chimchome daripada Yayasan Penyelidikan Burung Kenyalang.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai IHC 2017 boleh lawati laman web internationalhornbillconference2017.com.